

## **BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & REKOD**

Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod merupakan satu Bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan keperluan ICT bagi keseluruhan Jabatan Imigresen Malaysia termasuk Atase di luar Negara agar tahap penggunaan *instrument* teknologi maklumat dapat dicapai secara optimum. Bahagian ini terdiri dari sembilan (9) komponen iaitu Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Visa, Pas, Permit, Pekerja Asing, ESD & Stok, Unit Pengurusan Pusat Data dan Rangkaian, Unit Pengurusan Aset, Pengurusan Teknikal Dan Keselamatan ICT, Unit Pengurusan Dasar, Pengurusan Projek & Kualiti, Unit Dokumen Perjalanan & Kawalan, Unit Pengurusan Rekod dan Arkib, Unit Aplikasi Sokongan, dan Unit eReporting & Statistik. BTMR memainkan peranan penting kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengikut fungsi-fungsi berikut:

- Membantu mencapai objektif dan fungsi Jabatan melalui perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkualiti dan menepati keperluan
- Merancang strategi teknologi maklumat dan komunikasi Jabatan
- Melaksanakan dan menyelenggara sistem komputer di Jabatan bagi memastikan khidmat pengkomputeran di tahap terbaik
- Membantu Jabatan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan